



BFM Media Sdn Bhd (737714A)
3A.7 Menara Ken TTDI
37 Jalan Burhanuddin Helmi
60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
+60.111.7000.899
+603.7733.2100 (fax)
www.bfm.my

Kenyataan Media BFM – 7 Disember 2018

BFM ingin mengeluarkan kenyataan lanjut berkenaan dakwaan dan maklumat yang telah tersebar di media sosial. Sekali lagi, kami ingin memberi jaminan kepada pendengar dan pekerja kami tentang ketelusan pendekatan kami berhadapan dengan dakwaan-dakwaan ini.

Satu jawatankuasa penyiasatan bebas kini sedang mengendalikan dakwaan-dakwaan ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada sekumpulan peguam yang dilantik berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam hal-hal berkaitan kes gangguan seksual.

Jawatankuasa ini bebas sepenuhnya daripada pihak pengurusan BFM, dan telah diberikan mandat penuh untuk menyiasat kesemua dakwaan-dakwaan yang terkandung dalam surat yang disebar. Mereka kemudiannya akan melaporkan terus kepada satu panel bebas yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif di BFM.

Pekerja di BFM telah diberikan akses terus kepada jawatankuasa penyiasatan bebas ini tanpa perlu melalui pihak pengurusan atau penyelia mereka.

Kami mengalu-ngalukan hasil penemuan siasatan tersebut. Kami juga ingin mengukuhkan lagi struktur laporan dan struktur sosial kami, agar dapat memenuhi keperluan pekerja kami yang telah membantu membina BFM menjadi satu institusi yang berjaya.

BFM komited untuk bersifat terbuka. Kami sedar bahawa orang awam meletakkan standard akauntabiliti yang tinggi terhadap kami. Kami perlu memenuhi standard tersebut. Ini termasuklah mengambil setiap dakwaan yang dibuat oleh pekerja kami dengan penuh serius. Kami akan terus berusaha untuk mewujudkan satu suasana tempat kerja di mana setiap pekerja, tanpa mengira jantina, akan rasa selamat.

Malek Ali

Pengasas - BFM 89.9

Sebarang pertanyaan tentang kenyataan ini boleh dipanjangkan kepada Meera Sivasothy di meera.s@bfm.my